

12 AUG 1997

Anwar - KLIA

ANWAR MEMPENGERUSI MESYUARAT KABINET MENGENAI KLIA

SEPANG, 12 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mempengerusikan mesyuarat khas Kabinet mengenai pembangunan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Sepang (KLIA) di pejabat tapak projek itu di sini.

Mesyuarat itu untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai pelaksanaan projek bernilai RM9 bilion itu yang dijangka siap dan beroperasi dalam tempoh tiga bulan pertama tahun depan.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik minggu lepas mendedahkan operasi KLIA tertangguh daripada jadual asal 1 Jan tahun depan kepada tempoh tiga bulan pertama tahun depan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penangguhan operasi KLIA untuk tujuan komersil itu tidak kritikal.

Yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Clifford Herbert dan Ketua Menteri Melaka Datuk Abu Zahar Isnin.

-- Bernama

ARA oba